

Tukarkan ayat aktif yang diberi kepada ayat pasif.

1. Kucing itu menggigit anak tikus yang hampir mati itu.
2. Encik Ali menyerahkan cek itu kepada setiausahanya.
3. Muthu mengunyah daging kerbau yang liat itu.
4. Menteri Besar Selangor merasmikan Bangunan Bank Maybank yang terletak Petaling Jaya.
5. Julia menjahit baju kurung itu.
6. Emak sedang menggoreng ikan untuk makan malam.
7. Dermawan itu menghadiahkan lima ratus naskhah buku cerita kanak-kanak kepada perpustakaan di kampung itu.
8. Salina sedang membacuh kopi di dapur.
9. Mohd. Noh menternak udang galah secara besar-besaran.
10. Tiga orang lelaki bertopeng melarikan wang berjumlah \$3 juta daripada kedai emas.

Tukarkan ayat pasif yang diberi kepada ayat aktif.

1. Basikal yang menggunakan kuasa solar itu dicipta oleh rakyat Malaysia.
2. Abang dipukul oleh ayah kerana ponteng sekolah.
3. Perlawanan bola sepak antara Perancis dengan Itali semalam telah dimenangi oleh pasukan Itali.
4. Encik Tan dan Encik Amirul telah ditangkap oleh Badan Pencegah Rasuah kerana disyaki pecah amanah.
5. Piala Malaysia tahun 2000 telah dimenangi oleh Pasukan Perak.
6. Pusat membeli-belah Times Square dikunjungi oleh ribuan pengunjung setiap hari.
7. Telefon bimbit edisi millennium yang berharga \$15,000 telah dibeli oleh jutawan terkenal itu.
8. Surau itu dibina oleh penduduk Kampong Tanjong Maya secara bergotong-royong.
9. Anjing gila itu dipukul oleh Nurul dengan teruk.
10. Pengemis itu telah ditolak oleh pemuda-pemuda yang berpelesenan di Pekan Seria dengan kasar.